



KUNJUNGAN HORMAT MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SIDANG AKADEMIK 2007/2008 KE PEJABAT MENTERI BESAR PERLIS

18 April 2008, Kangar – Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sidang Akademik 2007/2008 telah mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Menteri Besar Perlis, YAB Datuk Dr Md Isa Sabu. Kunjungan yang disertai oleh kesemua ahli majlis seramai 23 orang telah diiringi oleh beberapa orang pegawai daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), iaitu Encik Mohd Najmuddin Bin Mohd Hassan, Dekan HEPA, dan Cik Syeamarsyeta Binti Ahamad, Pegawai Belia dan Sukan HEPA.

Kunjungan ini bermatlamat untuk mengucapkan tahniah kepada Y.A.B Datuk Dr Md Isa Sabu di atas perlantikan beliau sebagai Menteri Besar Perlis yang baru di samping memperkenalkan barisan kepimpinan MPP Sidang Akademik 2007/2008.

Kunjungan ini dimulakan dengan sesi perjumpaan dan dialog bersama Y.A.B Datuk Dr Md Isa Sabu di Bilik Mesyuarat, Mini Putrajaya oleh Dekan HEPA dan seterusnya penerangan ringkas oleh Saudara Mohd Alwie Bin Mohd Syaiful Yapp, Yang Di Pertua MPP dan Saudari Nurfazatulakmal Binti Mustafa Kamal, Naib Yang Di Pertua I mengenai latar belakang MPP dan beberapa projek mega yang bakal dilaksanakan oleh barisan kepimpinan MPP. Menurut Yang Di Pertua juga, MPP akan bekerjasama dan bergabung tenaga dengan Kerajaan Negeri untuk sama-sama menaikkan nama baik negeri dan menyokong kepimpinan YAB Menteri Besar melalui program-program yang akan dijalankan lebih-lebih lagi UniMAP merupakan ikon terbesar di Negeri Perlis.

Setelah selesai sesi dialog, majlis penyampaian cenderahati daripada pihak MPP kepada Y.A.B Datuk Dr Md Isa Sabu telah diadakan secara ringkas diikuti dengan sesi bergambar dan sedikit jamuan ringan. Menjadi harapan moga kunjungan ini dapat mengeratkan lagi hubungan jalinan antara MPP UniMAP dan kerajaan Negeri Perlis di masa akan datang.